



PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 5 TAHUN 2022

Semua Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan / Ketua Pusat Tanggungjawab
Jabatan Kerajaan Negeri,
Terengganu

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2023

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan:-

- 1.1 Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2023, dan
- 1.2 Peraturan yang perlu dipatuhi oleh Jabatan/Pusat Tanggungjawab bagi memastikan penyediaan emolumen dapat dilaksanakan dengan tepat, betul dan emolumen dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

2. TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN

Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan ditetapkan berdasarkan Arahan Perbendaharaan 105 dan kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri terhadap permohonan Bendahari Negeri rujukan PERB.TR.A/21/01/0/01 (20) bertarikh 7 November 2022 - Permohonan Pengecualian AP 105 Tarikh Pembayaran Emolumen Tahun 2023.

3. PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN

3.1 Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

3.1.1 Memastikan kemasukan data perubahan emolumen dikemaskini dalam Sistem iSPEKS **sebelum 10 haribulan setiap bulan**. Jika tiada perubahan dibuat sehingga tarikh tersebut, proses pembayaran bagi bulan berkenaan akan diteruskan dengan maklumat yang sama seperti bulan sebelumnya.

Bendahari Negeri (BN) tidak akan mengambilkira sebarang Perubahan Gaji (Kew.320) yang dikemukakan selepas tarikh tutup **kecuai** yang melibatkan kes kematian, letak jawatan, persaraan, cuti tanpa gaji dan tindakan tatatertib yang mana gaji kakitangan terpaksa dihentikan segera. Perubahan seperti ini hendaklah diberitahu kepada Pejabat Bendahari Negeri terlebih dahulu.

3.1.2 Tidak perlu menghantar borang Perubahan Gaji (Kew.320) secara manual. Borang Kew.320 hendaklah dicetak dan disimpan satu salinan bersama dokumen sokongan di dalam fail perubahan gaji di jabatan untuk tujuan rujukan.

3.1.3 Menyemak maklumat dalam Fail Induk Gaji setiap bulan sebaik sahaja laporan berkenaan dikemaskini dalam sistem iSPEKS dan membuat pelarasan serta merta untuk membetulkan sebarang kesilapan.

Kesilapan yang perlu dibetulkan dalam laporan Fail Induk Gaji termasuk perkara berikut:-

- i) Butiran Peribadi
- ii) Nombor Akaun Bank dan
- iii) Nombor Rujukan :
 - a) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
 - b) Cukai Pendapatan – Maklumat Bilangan Anak dan Taraf Perkahwinan
 - c) Lembaga Tabung Haji dan lain-lain potongan

3.1.4 Memastikan supaya kakitangan tidak menutup akaun bank setelah borang perubahan gaji (Kew.320) diserahkan dan diproses oleh Pejabat Bendahari Negeri (Pejabat Pembayar). Sebarang penukaran akaun bank hendaklah diberitahu kepada Pejabat

Pembayar melalui Borang Perubahan Gaji (Kew.320) selewat-lewatnya pada akhir tarikh penghantaran sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Pejabat Pembayar.

3.1.5 Memastikan pelarasan dilakukan dengan segera bagi setiap lebihan bayaran atau lain-lain perubahan yang tidak sempat diambilkira dalam bulan yang dikehendaki.

3.1.6 Memastikan semua pembayaran emolumen pegawai awam negeri yang berjawatan tetap dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer dan sebarang pembayaran melalui Baucer Bayaran Berasingan adalah tidak dibenarkan.

3.2 Pembayaran Emolumen Bagi Pekerja Bergaji Hari

3.2.1 Bayaran hendaklah diproses bermula pada 1 haribulan atau hari bekerja pertama bulan berikutnya; dan

3.2.2 Tarikh pembayaran emolumen adalah selewat-lewatnya pada hari ketujuh (7) bekerja bulan berikutnya.

4. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Pekeliling ini boleh dirujuk kepada pihak berikut:-

Unit Gaji
Bahagian Pengurusan Perakaunan
Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
Tingkat 3, Wisma Darul Iman
20592 Kuala Terengganu
Emel : bendahari@terengganu.gov.my
No. Tel : 6276261

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. **PEMAKAIAN**

Jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling ini dipatuhi. Peruntukan Pekeliling ini juga dipanjangkan kepada Badan-Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“ TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA ”

“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,


(**DATO' HAJI ROZALI BIN SALLEH**)
Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu

Tarikh : 24 November 2022

s.k.

Semua Badan-Badan Berkanun,
Negeri Terengganu.

Semua Pihak Tempatan,
Negeri Terengganu.

Pengarah Audit Negeri,
Terengganu.

Fail timbul



09-6276261

hanizah@terengganu.gov.my

**TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN BULANAN
BAGI TAHUN 2023**

~~~~~

| BULAN     | TARIKH / HARI<br>GAJI PERSEKUTUAN | TARIKH / HARI<br>GAJI NEGERI | CATATAN                                                                    |
|-----------|-----------------------------------|------------------------------|----------------------------------------------------------------------------|
| Januari   | 17/01/2023 (Selasa)               | 17/01/2023 (Selasa)          | <i>Tahun Baru Cina<br/>22 &amp; 23 Januari 2023<br/>(Ahad &amp; Isnin)</i> |
| Februari  | 24/02/2023 (Jumaat)               | 23/02/2023 (Khamis)          |                                                                            |
| Mac       | 24/03/2023 (Jumaat)               | 23/03/2023 (Khamis)          |                                                                            |
| April     | 17/04/2023 (Isnin)                | 17/04/2023 (Isnin)           | <i>Hari Raya Puasa<br/>22 &amp; 23 April 2023<br/>(Sabtu &amp; Ahad)</i>   |
| Mei       | 25/05/2023 (Khamis)               | 25/05/2023 (Khamis)          |                                                                            |
| Jun       | 23/06/2023 (Jumaat)               | 22/06/2023 (Khamis)          | <i>Hari Raya Haji<br/>29 &amp; 30 Jun 2023<br/>(Khamis &amp; Jumaat)</i>   |
| Julai     | 25/07/2023 (Selasa)               | 25/07/2023 (Selasa)          |                                                                            |
| Ogos      | 25/08/2023 (Jumaat)               | 24/08/2023 (Khamis)          |                                                                            |
| September | 25/09/2023 (Isnin)                | 25/09/2023 (Isnin)           |                                                                            |
| Oktober   | 25/10/2023 (Rabu)                 | 25/10/2023 (Rabu)            |                                                                            |
| November  | 24/11/2023 (Jumaat)               | 23/11/2023 (Khamis)          | <i>Hari Deepavali<br/>12 November 2023 (Ahad)</i>                          |
| Disember  | 19/12/2023 (Selasa)               | 19/12/2023 (Selasa)          | <i>Hari Krismas<br/>25 Disember 2023 (Isnin)</i>                           |